

22/07/2000

Ahmad Sarji tokoh pentadbir serba boleh

Seri Intan Othman

"SAYA tidak pernah menganggap diri saya sebagai seorang yang berjaya, sebaliknya saya hanya berusaha untuk menunaikan tanggungjawab dan amanah yang diberikan". Itulah antara luahan hati tokoh yang disegani, bekas Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid, 62, yang kini menjadi Pengerusi Institut Kefahaman Islam Malaysia (Ikim).

Daripada kata-katanya itu, ternyata beliau lebih suka merendahkan diri, walaupun beliau merupakan tokoh yang tidak asing lagi dalam bidang pentadbiran negara.

Ahmad Sarji juga membuktikan kecemerlangannya bukan sahaja dalam mencorakkan pentadbiran awam negara, malah di sektor korporat, pendidikan, warisan budaya, sukan dan keagamaan. Satu kejayaan yang bukan mudah untuk dicapai dan bukan semua orang berupaya melakukannya.

Menurutnya, falsafah hidup yang diamalkan adalah sentiasa bersikap cermat dan berhemah. Hasil disiplin yang begitu kukuh, telah meletakkan beliau sebagai tokoh menarik untuk dikenali secara dekat, khususnya untuk mengikuti jejak langkah yang dilalui sehingga mencapai kejayaan.

Beliau dilahirkan di Kampung Batu Tiga, Jalan Temoh, Tapah Perak pada 16 September 1938. Ayah beliau, Abdul Hamid Mohd Aroop (meninggal dunia 1990) dan ibunya Mahani Mohd Sidek, 80.

Mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Pasir Puteh, Ipoh kemudian ke Government English School Tapah 1949) dan Anderson School, Ipoh (1956) dan ke Universiti Malaya (1957) dengan memperoleh Ijazah Sarjana Muda (Kepujian).

Kegigihan beliau untuk menambah ilmu mendorong beliau berjaya memperoleh Diploma Pentadbiran Awam di Institute of Social Studies, The Hague, Belanda (1967) dan Ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Awam dari Universiti Harvard, Amerika Syarikat (1971).

Kerjaya beliau dalam perkhidmatan kerajaan bermula pada 10 Januari 1961 setelah dilantik sebagai Pegawai Pentadbir dalam Perkhidmatan Tadbir Melayu dengan jawatan Timbalan Penolong Pegawai Daerah Klang, Selangor.

Pada 1 Februari 1990, beliau dilantik sebagai KSN dan serentak dengan itu menjadi Setiausaha, Jemaah Menteri. Dengan amanah yang diserahkan kerajaan, beliau berjaya membawa pelbagai pembaharuan bagi sektor perkhidmatan awam di negara ini.

Langkah pembaharuan itu terkumpul dalam buku rujukan terbitan Jabatan Perdana Menteri berjudul Pekeliling-pekeliling Mengenai Pembaharuan Dalam Perkhidmatan Awam Malaysia (1991 - 1996).

Buku itu memuatkan pelbagai panduan termasuk meningkatkan kualiti menerusi layan terus menerusi telefon, pengurusan mesyuarat dan urusan jawatankuasa kerajaan, Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam, Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK), Manual Prosedur Kerja dan Fail Kerja Pelaksanaan Dasar Persyarikatan Malaysia dan Peningkatan Kualiti Perkhidmatan Kaunter.

Ketika ini walaupun sudah bersara sebagai KSN, beliau masih tetap bergiat cergas di bidang korporat, sukan, kelab dan sebagai fellow, antaranya sebagai Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB), Sirim Berhad, MNI Holding, Sime Darby Berhad, Golden Hope Plantations Berhad dan Malaysia Industrial Development Finance Berhad.

Beliau juga adalah Presiden Kelab Harvard Malaysia, Badan Warisan Malaysia, Pengerusi Eisenhower Fellows Association of Malaysia, dan Timbalan Presiden Persatuan Kriket Melayu Malaysia.

Selain itu beliau juga adalah fellow Malaysian Institute of Directors, Institut Pengurusan Malaysia dan Institute of Quality Control, Malaysia.

Rahsia kejayaan beliau adalah disebabkan dorongan utama ibu bapa yang berusaha menjalankan tugas mereka bersungguh-sungguh dan mempunyai matlamat menjadikan anak-anak mereka sebagai orang yang boleh berdikari.

"Apa yang penting dalam sesuatu tugas dan tanggungjawab ialah memegang amanah seboleh-bolehnya menyelesaikan tugas sama ada memberi kepuasan kepada ketua, ibu bapa atau organisasi tempat kita berkhidmat," katanya.

Menurutnya, beliau dididik supaya menghormati orang tua, bertanggungjawab, jangan pecah amanah, tidak bersifat takbur dan riak di atas sesuatu kejayaan, yang sudah dicapai.

"Saya menganggap apa saja kejayaan walaupun besar, kecil atau sederhana sebagai anugerah Allah dan kurnia-Nya serta mendapat satu keredaan.

"Saya tidak menganggap kejayaan sebagai satu keriahan dan kesombongan serta lebih bersyukur di atas apa yang dikurniakan Allah kepada saya," katanya.

Beliau berkata, sebagai pedoman dan panduan hidupnya beliau takut membuat kesilapan dalam kerja, keluarga mahupun takut melukakan hati ibu bapa, isteri dan anak-anak.

"Seboleh-bolehnya saya suka menempuh kehidupan ini di atas landasan yang betul kerana itu apabila bekerja saya suka patuh kepada peraturan dan undang-undang.

"Saya pernah diamanahkan untuk menjaga agensi kerajaan dan kementerian dengan menguasai peruntukan kewangan yang besar dan takut kepada kesilapan sama ada saya atau orang bawah yang lakukan.

"Perasaan takut ini membuatkan saya lebih cermat sama ada dalam perbuatan atau pertuturan dan terpulang kepada masyarakat untuk menilai sama ada negatif atau positif.

"Saya bernasib baik setakat ini kerana ibu bapa, ketua-ketua saya tidak pernah mengarah ataupun memohon kepada saya membuat satu perkara yang salah laku atau tidak ikut peraturan.

"Ini satu kebahagiaan hidup saya dan saya amat terhutang budi kepada kedua-dua ibu bapa, isteri, anak-anak dan ketua saya dalam kerja yang telah memberi saya peluang untuk berkhidmat kepada kerajaan selama 36 tahun," katanya.

Malah ketika ini, katanya sudah 40 tahun berkhidmat untuk negara, satu kesyukuran dan beliau tidak pernah menghadapi dilema untuk lakukan arahan yang beliau anggap salah atau betul.

"Mungkin saya ada lakukan kesilapan secara tidak sengaja sebab sebagai manusia saya tidak sempurna atau sebab kealpaan saya," katanya.

Mengenai siapa yang menjadi sumber inspirasi dan motivasinya, beliau berkata dari segi agama, adalah ajaran al-Quran dan Hadis yang merangkumi semua bidang hidup.

"Kejayaan perjuangan Nabi Muhammad SAW juga menjadi sumber inspirasi selain ibu bapa, datuk serta nenek saya serta tokoh terkenal dalam dan luar negara seperti Sir Winston Churchill dan William Shakespear.

"Saya juga kagum dengan kejayaan pemimpin negara kita Allahyarham Datuk Onn Jaafar, Tuanku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang banyak memberi saya kepercayaan dalam menjalankan tugas," katanya.

Beliau juga dianugerahkan Tokoh Maal Hijrah 1420, Intan Fellow 2000 di samping pelbagai pingat dan darjah kebesaran negara termasuk di atas baktinya kepada negara.

Dalam masa yang sama beliau juga giat menulis pelbagai buku khususnya mengenai perkhidmatan awam termasuk Wawasan Pentadbiran Awam Malaysia, Intan (1994), The Civil Service of Malaysia: A Paradigm, Mampu (1994), Malaysia Vission 2020: Understanding the Concept, Implication anda

Challenges (1993).

(END)